

28 FEB 1997

LEAD Mahathir-Everest

MAHATHIR LEPASKAN PESERTA PROJEK MALAYSIA-EVEREST '97

KUALA LUMPUR, 28 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membekalkan kata-kata semangat kepada peserta projek Malaysia-Everest '97 yang akan berangkat ke Nepal esok supaya menunjukkan kemampuan dan keberanian mereka dan kembali ke tanah air bersama "kemenangan".

Perdana Menteri berkata usaha mereka adalah sesuatu yang amat dimuliakan dan membanggakan negara kerana mereka sanggup menerima cabaran untuk menakluki Gunung Everest.

"Kita mesti sanggup menerima cabaran walaupun ia ada risiko. Saya berdoa agar semua akan selamat dan mencapai kemenangan," kata beliau pada majlis melepaskan peserta projek itu di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Yang turut hadir ialah Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yasin, pegawai-pegawai tertinggi Telekom Malaysia Berhad, RTM dan Kumpulan Utusan.

Sebanyak 20 pendaki dari Persatuan Pendaki Malaysia akan cuba mendaki gunung itu, dan daripada kumpulan itu, hanya 12 pendaki termasuk seorang jurukamera RTM, akan cuba naik hingga ke puncak gunung bagi meletakkan bendera Malaysia. Yang lainnya akan bertindak sebagai pengganti.

Pendaki Persatuan Pendaki Malaysia itu (tidak termasuk dari RTM) ialah Nor Ramli Sulaiman sebagai ketua ekspedisi projek Malaysia-Everest '97, Gary Choong Kin Wah, N.Mohanadas, Aimi Zairin Mohamed, R.Ramakrishnan, M.Magendran, Mohd Fauzan Haji Hassan, Borhan Ibrahim, Major Mohd Rizan Mat Hassan, Kpl. M.Moorthy dan Zahidi Paiman.

Mereka berada dua minggu di Manali, India bulan lepas untuk menyesuaikan diri dengan keadaan di Himalaya sebagai sebahagian daripada persediaan untuk misi itu.

Perdana Menteri melancarkan projek menakluki Gunung Everest setinggi 8,848 meter di Dataran Merdeka pada 4 Jun lepas, sambil mencabar rakyat Malaysia untuk turut berjalan ke khutub selatan.

Projek anjuran bersama Kementerian Belia dan Sukan, Persatuan Pendaki Malaysia, Yayasan Sukan dan Kebudayaan Malaysia, Telekom Malaysia, RTM dan Kumpulan Utusan itu menelan belanja RM4.5 juta dan daripada ilham Dr Mahathir.

Dr Mahathir turut menjelaskan kepada para pendaki mengenai konsep keberanian yang menurut beliau bukan bermakna membuat sesuatu secara terburu-buru sehingga sanggup membahayakan nyawa untuk sesuatu yang tidak akan diperolehi atau dicapai.

Selain tindakan mereka mesti bijak dan mempunyai kurang risiko, beliau juga menasihatkan mereka supaya jangan sekali-kali cuba untuk menjadi "hero" dengan tidak mematuhi segala arahan dan peraturan pendakian.

Perdana Menteri berkata mereka juga boleh menjadikan Malaysia dan diri mereka terkenal seperti yang dilakukan oleh Sir Edmund Hillary kepada negaranya, New Zealand.

Pada 29 Mei 1953 Hillary yang dibantu oleh Tenzing Norgay Sherpa menjadi orang pertama sampai ke puncak Gunung Everest, gunung yang tertinggi di dunia itu.

"Kita juga mesti mencuba untuk mencapai sesuatu supaya kita akan dipandang tinggi oleh masyarakat (asing)...Selepas kemerdekaan, kita telah dapat buktikan kemampuan kita," kata beliau.

Beliau juga mahu belia negara ini menceburi kegiatan yang mendatangkan faedah seperti projek mendaki itu kerana ia dapat menghindar mereka daripada kegiatan yang tidak bermanfaat.

Sementara itu, Muhyiddin dalam ucapannya berkata pendaki itu dijangka

dapat sampai ke puncak Everest pada 11 Mei ini.

Mereka akan berlepas ke Kathmandu (Nepal) dengan berbekalkan sehingga 100 tan makanan dan pakaian yang ditempah khas dari Itali, Perancis dan Amerika Syarikat yang dapat membantu mereka menghadapi cuaca sejuk yang kadang-kala menjadi serendah -70 darjah Celsius.

Menurut Nor Ramli pula, dari Kathmandu mereka akan ke Kukla pada 4 Mac untuk urusan pentadbiran sebelum memulakan pendakian pada 9 Mac.

Ketika ditanya sama ada pasukannya boleh mencapai puncak gunung itu pada 11 Mei, beliau berkata: "Antara 10 hingga 20 Mei, kita yakin dapat sampai ke puncak."

Program persediaan mereka bermula pada 1995 yang meliputi latihan mendaki di di India dan New Zealand.

Jika ekspedisi itu berjaya, Malaysia akan menjadi negara pertama di Asia Tenggara yang dapat menawan Gunung Everest. -- BERNAMA

ES NMO